

# ITEX 2014 pamer 1,000 ciptaan, inovasi

**Pameran** Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-25 (ITEX 2014) yang berlangsung pada 8 hingga 10 Mei ini akan mempamerkan hampir 1,000 ciptaan, inovasi dan teknologi daripada peserta tempatan dan antarabangsa pelbagai sektor.

Pameran itu yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur akan mengumpul pakar daripada bidang penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pembiayaan dan undang-undang.

Malaysia dijangka diwakili oleh peserta dari-pada institusi pendidikan tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) tempatan, institusi penyelidikan dan pendidikan, syarikat korporat, individu dan firma paten dan harta intelek.

Sejajar dengan berlangsungnya ITEX, ia menyaksikan Pameran Pereka Cipta Muda Malaysia (MYIE 2014) dan Reka Cipta Muda Asia (AYIE 2014) turut akan dilancarkan pada skala lebih besar.

Kedua-dua pameran itu akan menjadi platform kepada pereka cipta muda berumur dari 20 tahun ke bawah mempamerkan rekaan inovasi mereka.

Menerusi MYIE 2014, ia memilih hingga 10 pemenang utama Pemenang Pereka Cipta Muda Malaysia peringkat kebangsaan untuk bersaing dalam AYIE 2014.

MYIE 2014 akan mempamerkan 75 rekaan di mana jumlahnya lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

+ Selain itu, AYIE 2014 juga akan disertai hampir 100 pereka cipta dari Indonesia, Arab Saudi, Thailand, Vietnam, China, Filipina, Hong Kong dan Taiwan.

Malaysian Invention & Design Society (MINDS) selaku pengajur turut melantik C.I.S Network Sdn Bhd sebagai pengurus pameran.